KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 8835/36/37
603-8888 8687/11500
Laman Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/58/17 Jld.2 (1)
Tarikh : 3 Mei 2019

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N26 KE GRED N28 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi **Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N26 ke Gred N28** sebagaimana perkara di atas dan dengan ini sukacitanya mempelawa permohonan daripada pegawai-pegawai yang **berminat** dan **memenuhi kriteria** sepertimana perincian di bawah:

(a) Mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan;

(b) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;

(c) telah **dinaikkan pangkat ke Gred N26 sebelum atau pada 31.12.2014**;

(d) bebas dari hukuman tatatertib;

(e) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan;

(f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan

(g) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan.

3. Calon-calon yang layak memohon hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2019** seperti dilampirkan dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen seperti dalam senarai semak di **Lampiran A**. Jumlah kekosongan jawatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran B**. Calon-calon yang memohon hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan di negeri yang berkenaan.

4. Dimaklumkan juga bahawa **tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **31 Mei 2019 (Jumaat)**. Semua permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Sokongan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Cik Shirley Tan Sok Kit)

5. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan hanya mengemukakan permohonan daripada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti yang terkandung dalam surat edaran ini. Permohonan yang **lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana di senarai semak **tidak akan dipertimbangkan**.

6. Dimaklumkan juga bahawa surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuan ini boleh didapati melalui laman web KKM di alamat http://www.moh.gov.my atau http://humanres.moh.gov.my. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIK YUSANA BINTI TUAN SOH)
Bahagian Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k: - SUB (SM)

- TSUB (NPP)

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
  Bahagian Khidmat Pengurusan — Mohon panjangkan ke semua Bahagian/Jabatan di IPKKM

- Setiausaha Bahagian
  Bahagian Pengurusan Latihan — Mohon panjangkan ke semua Bahagian/Jabatan di IPKKM

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Perak

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Johor

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

- Pengarah
  Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya

- Pengarah
  Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

- Pengarah Kesihatan Negeri
  Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

- Pengarah
  Hospital Kuala Lumpur

- Pengarah
  Institut Perubatan Respiratori

- Pengarah
  Institut Pengurusan Kesihatan

- Pengarah
  Institut Kanser Negara

- Pengarah
  Institut Penyelidikan Perubatan

- Pengarah
  Institut Kesihatan Umum

- Pengarah
  Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan

- Pengarah
  Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

- Pengarah
  Pusat Darah Negara

- Pengarah
  Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan

- Pengarah
  Pusat Penyelidikan Klinikal

- Pengarah
  Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

- Pengarah
  Urus Setia *National Institute of Health* (NIH)

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/ TIADA
1. Borang NPS(M) 1 / 2015 Pindaan 2019		
2. Borang PP-1		
3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan lengkap		
4. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT		

LAMPIRAN B

SENARAI MAKLUMAT KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N28
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Sehingga April 2019)

BIL.	ZON	KEKOSONGAN
1.	SEMENANJUNG -Pulau Pinang (1) -NIH (1) -Pahang (1) -Terengganu (1)	4
2.	SARAWAK	0
3.	SABAH DAN W.P. LABUAN	0
JUMLAH		4

BORANG NPS(M) 1/2015 PINDAAN 2019

PERINGATAN:
Borang ini hanya diisi untuk urusan pemangkuan yang sedang dalam tempoh iklan pemangkuan yang sah.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

URUSAN PEMANGKUAN BAGI JAWATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

DARI GRED N26 **KE GRED** N28

BAHAGIAN I : (DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON)

1. **Butiran Peribadi Calon**:

(a) Nama Penuh : .....

(b) No. Kad Pengenalan : .....

(c) Bangsa*: Melayu / Cina / India / Bumi Sabah/ Sarawak / Lain-lain

(c) No. Telefon Pejabat : .....

No. Telefon Bimbit : .....

2. **Maklumat Perkhidmatan (seperti dalam Buku Rekod Perkhidmatan)**:

Perkara	Maklumat Jawatan Sekarang	Maklumat Jawatan & Gred Terakhir Sebelum ini *(jika terlibat opsyen/tukar lantik)*
(a) Nama Jawatan	seperti di atas	.....
(b) Gred Jawatan	seperti di atas	.....
(c) Tarikh Lantik	.....	.....
(d) Tarikh Sah Perkhidmatan	.....	.....
(e) Tarikh Naik Pangkat	.....	.....

(f) Kedudukan Gred Sekarang : ☐ HAKIKI ☐ KUP
(Sila tanda ✓ mana yang berkenaan)

(g) Tarikh/Umur Persaraan Wajib : 56 / 58 / 60 tahun* Tarikh persaraan : .....

(h) Nyatakan Nama Tempat Bertugas

- Ibu Pejabat/ JKN/ Institusi : .....
- Bahagian/ Hospital/ PKD/ PKPD : .....
- Jabatan/Unit/Klinik : .....

** Potong mana yang tidak berkenaan*
** Bahagian I,II dan III wajib diisi*

3. Kelulusan Akademik Tertinggi (***sila sertakan salinan sijil yang diakui sah***):

Bil.	Nama Kelulusan dan Bidang	Universiti / Institusi	Tarikh Lulus

4. Kelulusan Pos Basik/ Pengkhususan Bidang (tempoh minimum 3 bulan, *jika berkenaan)*:
(sila sertakan salinan sijil yang diakui sah)

Bil.	Bidang Pos Basik/ Pengkhusus	Kolej/ Institusi	Tarikh Lulus	Tempoh Kursus	Tempoh Perkhidmatan Dalam Bidang ini

5. **Status Perakuan Kenaikan Pangkat Secara TBK 13 Tahun** *(Sila tanda ✓mana yang berkenaan)*:
*(hanya **diisi oleh pemohon yang berada di gred lantikan/ gred kenaikan pangkat pertama** kecuali pemohon dalam urusan pemangkuan ke Gred U42)*

☐ Saya **telah** diperakukan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun

☐ Saya **telah** genap tempoh perkhidmatan 13 tahun dalam skim perkhidmatan semasa tetapi **belum** diperakukan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun***

☐ Saya **akan** genap tempoh perkhidmatan 13 tahun dalam skim perkhidmatan semasa dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh iklan pemangkuan***

☐ Saya **belum** genap tempoh perkhidmatan 13 tahun dalam skim perkhidmatan semasa dan **belum** diperakukan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun

***Saya mengambil maklum bahawa sekiranya saya **menolak tawaran pemangkuan/ tersenarai sebagai calon tidak berjaya dalam urusan ini, saya akan dipertimbangkan TBK 13 Tahun** tertakluk kepada memenuhi syarat TBK 13 Tahun sepertimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017.

[PERHATIAN: Sila kemukakan bersama borang ini, Lampiran A1 (Penilaian Kecemerlangan TBK Kali Pertama)/ Lampiran B (Penilaian Kecemerlangan TBK Kali Kedua) yang dilengkapkan oleh Penyelia dan Ketua Jabatan.]

6. **Pengakuan Pemohon** :

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan dalam borang pemangkuan ini adalah **BENAR** dan **SAH**. Saya juga memahami bahawa **sekiranya terdapat maklumat palsu atau tidak benar**, maka **urusan ini akan TERBATAL dan saya boleh dikenakan tindakan tatatertib** di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Saya juga mengambil maklum bahawa urusan pemangkuan ini memungkinkan saya boleh diarah bertugas ke penempatan lain.

Tandatangan pemohon,

..... Tarikh : .....

Nama:

BAHAGIAN II : (DILENGKAPKAN OLEH PIHAK PENGURUS SUMBER MANUSIA DI JABATAN)

Maklumat Perkhidmatan Pemohon:

7. Maklumat Tempoh Perkhidmatan Yang Tidak Boleh Diambil Kira

Bil	Perkara	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Jumlah Hari
i.	Pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Denda			
ii.	Cuti Separuh Gaji Kecuali Cuti Belajar. Nyatakan: (a) (b)			
iii.	Cuti Tanpa Gaji Kecuali Cuti Belajar. Nyatakan: (a) (b)			
iv.	Tidak Hadir Bertugas Tanpa Kebenaran			
			Jumlah tempoh keseluruhan (hari)	

8. Tindakan Tatatertib : **Ada / Tiada / Dalam Siasatan***
   Jika ada / dalam siasatan, nyatakan :
   i. Jenis Hukuman : .....
   ii. Tarikh Hukuman : .....

9. Tarikh Kelulusan Pengisytiharan Harta **(5 Tahun Terkini)** : .....

10. Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) *(Sila lampirkan surat keputusan tapisan keutuhan daripada SPRM)* :
    ☐ Lulus pada: _____
    ☐ Menunggu Laporan SPRM yang telah dimohon pada _____
    ☐ Gagal

11. Tapisan Pinjaman Pendidikan Tegar daripada Institusi Pinjaman Pendidikan **(*Sertakan Borang PP-1*)** : **Ada /Tiada***

**** Potong mana yang tidak berkenaan***
**** Bahagian I,II dan III wajib diisi***

12. Markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terakhir:
(Sila sertakan sesalinan LNPT 3 tahun terakhir yang mengandungi muka surat pertama yang mengandungi nama dan muka surat yang mengandungi markah sahaja. Sekiranya pegawai sedang/ pernah cuti belajar dalam 3 tahun terakhir, sila sertakan salinan markah LNPT yang diperoleh sebelum/ selepas cuti belajar. Borang PSD adalah tidak diperlukan bagi urusan ini.)

LNPT Tahun 2016	LNPT Tahun 2017	LNPT Tahun 2018
Markah:	Markah:	Markah: .....

13. **Sokongan Penyelia:**

Dengan ini permohonan pemangkuan *(isi nama penuh pegawai yang memohon)*:

.....

(Sila Tanda ✓) ☐ **DISOKONG** ☐ **TIDAK DISOKONG**

(Sila Berikan Ulasan Dan Sebab Jika Tidak Menyokong)

Ulasan:

.....

.....

Disemak dan disahkan oleh,

..... Tarikh : .....

(Tanda tangan Penyelia)

Nama :

Jawatan :

Telefon :

Emel :

**** Bahagian I,II dan III wajib diisi***

BAHAGIAN III: PERAKUAN KETUA JABATAN

14. **Perakuan Ketua Jabatan**:

Saya mengesahkan bahawa:

i) Pegawai ini telah memenuhi syarat-syarat untuk dipertimbangkan pemangkuan seperti yang dinyatakan di dalam surat edaran Kementerian.

ii) Butir-butir yang dinyatakan di atas adalah betul dan tepat.

15. **Sokongan Ketua Jabatan**:**

Dengan ini permohonan pemangkuan (*isi nama penuh pegawai yang memohon*):

.....

☐ **Disokong**

☐ **Tidak Disokong atas sebab-sebab berikut (tandakan √ dalam petak yang berkaitan dan nyatakan ulasan terperinci sebab tidak disokong) :**

☐ **Ciri-ciri kepimpinan / penyeliaan.**
Ulasan: .....

.....

☐ **Prestasi kerja / kompetensi.**
Ulasan: .....

.....

☐ **Masalah disiplin / integriti.**
Ulasan: .....

.....

☐ **Masalah kesihatan.**
Ulasan: .....

.....

☐ **Lain-lain sebab.**
Nyatakan: .....

.....

Diperakukan oleh,

..... Tarikh : .....

(Tanda tangan Ketua Jabatan)

Nama :
Jawatan :
Cop Jabatan :

** Ketua Jabatan merujuk kepada Ketua yang mengetuai organisasi atau **sekurang-kurangnya** Timbalannya/Ketua Cawangan di organisasi tersebut.

BORANG PP-1

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Bahagian Sumber Manusia,
Unit Naik Pangkat (Sokongan),
Aras 9, Blok E7, Parcel E,
62590 W.P. PUTRAJAYA

SURAT AKUAN
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN

Saya..... No. K.P :.....
mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada .....
mulai tarikh .....hingga.....sebanyak RM .....
dan.....mulai tarikh ..... hingga.....sebanyak RM
..... Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada .....
mulai tarikh ..... hingga .....sebanyak RM ..... dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai / potongan gaji mulai .....;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada .....
mulai tarikh ..... hingga .....sebanyak RM ..... dan saya telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada .....

PERAKUAN
Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(f) dan Peraturan 4(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

LAMPIRAN 1

PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)
BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018
DALAM URUSAN PEMANGKUAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)
GRED N26 KE GRED N28

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN		
			2016	2017	2018
1.					

Disediakan oleh :

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

No.Tel Pejabat :

Disahkan oleh :

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :